

7 pertuduhan Muhyiddin dibicara bersama

Kuala Lumpur: Mahkamah Sesyen, di sini semalam membenarkan permohonan pihak pendakwa agar empat pertuduhan menyalahgunakan kedudukan dan tiga pertuduhan menerima wang daripada aktiviti haram dihadapi bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, dibicarakan bersama.

Hakim Azura Alwi memutuskan demikian selepas mendapati permohonan itu memenuhi kriteria mengikut Seksyen 165 Kanun Tatacara Jenayah kerana ia membabitkan satu siri perbuatan dalam transaksi dan individu sama.

"Ini juga dapat memastikan keadilan kepada semua pihak, menjimatkan masa dan mengelak kesukaran terutama kepada saksi yang sama. Tiada sebarang prejudis akan berlaku kepada tertuduh berikutan penggabungan perbicaraan ini," katanya.

Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Wan Shahrudin Wan Ladin memaklumkan pihak pendakwa akan mengemukakan 30 saksi bagi perbicaraan kes berkenaan.

Mahkamah kemudian menetapkan 18 Februari depan untuk pengurusan kes dan tarikh perbicaraan.

Sementara itu, mahkamah membatalkan permohonan Muhyiddin untuk menarik balik pertuduhan pengubahan wang ha-



Muhyiddin hadir di Mahkamah Sesyen, Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Aswadi Alias/BH)

ram terhadapnya.

Ini selepas peguam Muhyiddin, Amer Hamzah Arshad, memaklumkan kepada mahkamah bahawa anak guamnya ingin menarik balik permohonan terbabit kerana perkara itu sudah menjadi akademik.

Muhyiddin, 77, sebagai Perdana Menteri (ketika itu) dan Presiden BERSATU didakwa atas empat pertuduhan menggunakan kedudukan beliau untuk suapan berjumlah RM232.5 juta berkaitan Projek Jana Wibawa daripada tiga

syarikat iaitu Bukhary Equity Sdn Bhd, Nepturis Sdn Bhd dan Mamfor Sdn Bhd serta Datuk Azman Yusoff, bagi parti berkenaan.

Beliau dituduh melakukan perbuatan itu di Pejabat Perdana Menteri, Bangunan Perdana Putra, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya antara 1 Mac 2020 dan 20 Ogos 2021.

Muhyiddin turut berdepan dua pertuduhan menerima wang hasil aktiviti haram berjumlah RM195 juta daripada Bukhary Equity Sdn Bhd yang dimasukkan ke aka-

un CIMB Bank milik BERSATU.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di CIMB Bank Cawangan Menara KL, Jalan Stesen Sentral, di sini, antara 25 Februari dan 16 Julai 2021 serta 8 Februari dan 8 Julai 2022.

Muhyiddin juga dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Shah Alam pada 13 Mac 2023 atas pertuduhan menerima wang hasil aktiviti haram berjumlah RM5 juta dan kes itu dipindahkan ke Mahkamah Sesyen di sini untuk dibicarakan bersama.

BERNAMA